

**STRATEGI MENGHADAPI RISIKO KEWANGAN
OLEH KONTRAKTOR UTAMA**

NURUL AISHAH BINTI ZAMALUDIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerah ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEL, 2007

ABSTRAK

Risiko kewangan merupakan bahagian risiko yang paling kompleks dalam industri pembinaan kerana risiko ini saling berkaitan antara risiko-risiko lain yang hadir dalam industri pembinaan. Risiko kewangan ini memberi kesan yang besar terhadap kontraktor kerana ia mempengaruhi prestasi kontraktor dalam industri pembinaan. Berikutan itu, objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti strategi-strategi bagi menguruskan risiko kewangan yang sering dihadapi oleh kontraktor utama. Terdapat sembilan risiko telah dikenalpasti sebagai risiko kewangan yang sering dihadapi oleh kontraktor dan seterusnya strategi bagi setiap risiko tersebut dikenalpasti. Objektif kajian dicapai dengan penggunaan borang soal selidik dan data dianalisis dengan kaedah Statistik Perihalan iaitu menggunakan purata min. Pemilihan responden adalah berdasarkan pengalaman melebihi 5 tahun dalam industri pembinaan dan berdaftar dengan PKK sebagai kontraktor kelas A. Kajian ini dijalankan di Kuala Lumpur dan Johor Bahru memandangkan kepesatan kawasan pembangunan ekonominya. Senarai strategi yang telah dikenalpasti diedarkan kepada para responden. Antara strategi yang telah dikenalpasti adalah menggunakan wang dari tabungan khas, sentiasa menjaga prestasi syarikat, dan meletakkan harga yang dijangka naik. Responden bersetuju dengan strategi yang disenaraikan. Sebagai tambahan, responden turut mencadangkan beberapa strategi dalam menguruskan risiko kewangan. Contohnya, beberapa responden memberi cadangan untuk mengurangkan pembaziran sekiranya anggaran harga kontrak adalah lebih rendah dari harga kontrak sebenar. Pengurusan risiko kewangan dalam menentukan kejayaan sesuatu projek adalah penting untuk mengekalkan prestasi kontraktor dalam industri pembinaan.

ABSTRACT

Financial risk is the most complex risk in the construction industry as it is interrelated with other risk. Financial risks influence the performance of a contractor as it gives a big impact to the contractor in the construction industry. The objective of this research is to identify the strategies that can be undertaken by the main contractor in managing financial risks. There were nine risks have been identified as the most often financial risks faced by a contractor and the strategy for each of the risk is identified. Questionnaires are used to achieve the objective of this research and data has been analyzed using *Statistik Perihalan* method in order to find out the average min. The respondents selected are those with more than five years experience in the construction industry and they are registered as A Class contractors with PKK. The research was conducted in Kuala Lumpur and Johor Bahru as these locations are highly developed economic area. The identified strategies have been listed down and distributed to the target respondents. Among of the strategies identified was using finance from special fund, increasing company performance, and marking up the increasing expected price in advance. The respondent agreed with the listed strategies. In addition, they also suggested a few strategies in managing financial risk. For instance, some of the respondents have proposed to reduce wastage if the estimated contract price is lower than the actual price. Managing financial risks to ensure the success of project implementation is important to establish contractor's performance in the construction industry.